



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/08/108 (HQ)

TNB PERUNTUK RM120 JUTA TAHUN INI BAGI TAJAAN BIASISWA DAN PINJAMAN BOLEH UBAH KEPADA 331 PELAJAR LEPASAN SPM 2020

- 120 tajaan biasiswa bagi tahun 2021 kepada pelajar cemerlang lepasan SPM 2020
- 211 tajaan pinjaman pendidikan boleh ubah kepada pelajar untuk mengikuti pengajian di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Awam

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN) memperuntukkan RM120 juta bagi tajaan biasiswa dan tajaan pinjaman pendidikan boleh ubah kepada 331 orang pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian mereka di Institusi Pengajian Tinggi, tahun ini.

Dari keseluruhan RM120 juta itu, TNB memperuntukkan RM35 juta dalam bentuk biasiswa kepada 120 pelajar cemerlang SPM 2020 bagi melanjutkan pelajaran dalam jurusan kejuruteraan, data sains dan analitik, sains komputer, perakaunan dan pengajian perniagaan.

Penerima biasiswa ini dipilih daripada sejumlah 8,400 pemohon di seluruh negara yang mengemukakan permohonan untuk biasiswa YTN.

Menurut Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid, 100 penerima biasiswa YTN itu akan melanjutkan pengajian di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Manakala baki 20 pelajar lagi akan melanjutkan pengajian di universiti luar negara. Tajaan biasiswa penuh itu merangkumi elaun sara hidup, yuran pengajian, kos pembelian komputer peribadi, buku dan lain-lain keperluan.

"Pelajar-pelajar ini telah membuktikan bahawa mereka mampu mendapat keputusan yang cemerlang meskipun terpaksa berdepan dengan situasi pembelajaran dalam talian berbanding pembelajaran secara konvensional iaitu secara bersemuka lantaran penularan COVID-19."

YTN memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi pembiayaan seorang pelajar sepanjang tempoh pengajian di universiti luar negara, manakala RM120,000 hingga RM140,000 (bergantung kepada bidang pengajian) bagi pembiayaan pengajian seorang pelajar di UNITEN.

"Penerima biasiswa YTN pada tahun ini dipilih berdasarkan faktor akademik, kualiti kepimpinan dan penglibatan aktif dalam kokurikulum.

"Pelajar yang terpilih ini juga mempunyai peluang untuk menjadi warga kerja TNB apabila tamat pengajian kelak dan diharapkan dapat menjadi pemimpin pelapis untuk menerajui TNB pada masa depan," ujar Mahdzir.

Tambah Mahdzir lagi, tajaan biasiswa ini merupakan satu lagi komitmen TNB untuk terus bersama rakyat, selain membantu usaha meningkatkan modal insan berkualiti untuk pertumbuhan negara di masa akan datang.

Sementara itu, seramai 211 pelajar dengan peruntukan sebanyak RM85 juta pula terpilih menerima pinjaman pendidikan boleh ubah untuk mengikuti pengajian di UNITEN dan Universiti Awam bagi mengikuti pengajian di peringkat Diploma, Program Asas dan Ijazah Sarjana Muda.

YTN telah memperuntukkan lebih RM1.2 bilion sejak dari tahun 1993 lagi dengan memberikan peruntukan dermasiswa MyBF (RM66 juta), biasiswa (RM597 juta) dan pinjaman pendidikan boleh ubah (RM547 juta) kepada lebih 18,500 pelajar.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Ogos 2021, jam 10.00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid